

06 APR 2001

DR MAHATHIR LAWAT KELANTAN ESOK

KOTA BAHARU, 6 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan sehari ke Kelantan esok.

Menurut satu kenyataan Jabatan Penerangan Kelantan di sini, hari ini, Perdana Menteri dijadual tiba di Pusat Sivik Gua Musang dengan sebuah helikopter pada pukul 10.30 pagi.

Sejurus tiba beliau akan merasmikan mesyuarat agung Umno bahagian Gua Musang di Balai Rakyat Bukit Chekati, Gua Musang. Umno bahagian Gua Musang diterajui oleh Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr Mahathir kemudiannya akan berlepas menggunakan helikopter yang sama ke Tanah Merah untuk menghadiri majlis mesra bersama pemimpin cawangan dan bahagian Umno Bahagian Tanah Merah dan Jeli di Sekolah Menengah Teknik, Tanah Merah pada pukul 3.30 petang, kata kenyataan itu.

Perdana Menteri kemudiannya akan berlepas ke Kota Bharu bagi menghadiri perjumpaan tertutup dengan Biro Politik tiga peringkat Umno negeri Kelantan di dewan Bangunan Umno Negeri di Kota Bharu pada pukul 9.15 malam, katanya.

Perdana Menteri dijadual pulang ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas melalui Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa pada pukul 10.45 malam.

-- BERNAMA

BD PR